

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1421-MQT0435
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa kos untuk rawatan IVF di Hospital Kerajaan dan jumlah kelahiran bayi hasil rawatan IVF yang direkodkan oleh 4 Hospital Kerajaan iaitu Hospital Sultanah Bahiyah Kedah, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Sabah dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu setakat ini.

2. PR-1421-MQT0420
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk menurunkan pengangguran dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

3. PR-1421-MQT0432
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pencapaian *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019* dan apakah sumbangan LIMA terhadap dasar pertahanan negara.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L04278
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk menggantikan tanaman kelapa sawit kepada buah-buahan yang boleh dieksport kepada negara lain memandangkan kelapa sawit berada dalam keadaan "*Supply Over Demand*".

2. PR-1421-L03057
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah panjang dan bajet jalan kampung serta paip air di semua negeri pada tahun 2017, 2018 dan perancangan 2019. Apakah perancangan lama dan baru untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar serta laporkan kejayaannya.

3. PR-1421-L04074
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan "Peka B40" untuk golongan berpendapatan rendah dan juga jumlah orang yang telah layak di bawah skim ini di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Adakah ini akan menambahkan kesesakan di hospital Kerajaan dan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini.

4. PR-1421-L03429
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Jalan Tuanku Abdul Rahman bermula dari Jalan Esfahan berhampiran Sogo hingga ke Jalan Melayu, akan ditutup kepada semua kenderaan persendirian kecuali bas awam dan pelancongan dan apakah signifikan dan jaminan Kementerian penutupan jalan ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas serta tidak menjejaskan para peniaga di sekitar kawasan tersebut.
5. PR-1421-L04221
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status peperiksaan Bahasa Inggeris MUET (*Malaysian University English Test*) samada akan dikaji semula atau diteruskan dan nyatakan sebab-sebabnya.
6. PR-1421-L03540
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pematuhan majikan terhadap perintah gaji minimum RM1,100 yang bermula awal tahun ini dan adakah terdapat mana-mana majikan yang telah memohon untuk membuat penangguhan akibat ketidakmampuan mereka melaksanakan perintah gaji minimum ini.
7. PR-1421-L04244
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah dasar dan garis panduan Kementerian terhadap syarikat-syarikat telekomunikasi, terutamanya Telekom Malaysia, mengenai pemasangan kabel dan infrastruktur komunikasi ke kawasan-kawasan perumahan atau perniagaan yang baru diperbangunkan, dan siapakah yang patut membiayai kos tersebut.
8. PR-1421-L03937
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil bagi memperhebatkan lagi promosi Gunung Jerai yang telah diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan baru-baru ini.
9. PR-1421-L03000
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah kerangka ekonomi atau model ekonomi baharu khususnya kepada Bumiputera yang telah dirangka di bawah Kerajaan Malaysia Baharu.

10. PR-1421-L03702
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengaplikasikan kaedah e-undi di dalam sistem pilihan raya dan apakah aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan serta jaminan Kerajaan bahawa sistem tersebut selamat daripada sebarang manipulasi oleh pihak tertentu.
11. PR-1421-L03327
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik minat khususnya golongan lepasan universiti ke dalam dunia keusahawanan; dan
 - (b) strategi kerjasama yang dijalankan bersama pihak universiti dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti.
12. PR-1421-L04050
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan pusat benar-benar sedar dan faham dengan masalah sekolah daif di Sarawak dan seterusnya untuk menimbang dan mengembalikan kuasa penuh atau "*full autonomy*" kepada Sarawak dalam hal pelajaran.
13. PR-1421-L03535
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara purata, tempoh masa kerja bagi pemulihan kabel bawah laut yang rosak (*restoration of submarine cables*). Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan kelemahan tersebut agar kesan kepada pembangunan dan daya saing industri telekomunikasi di Malaysia tidak terjejas.
14. PR-1421-L03443
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab/Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbenkakai akan dimulakan dan bilakah tender baru pembinaan akan dibuka.

15. PR-1421-L03627

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan masjid dan surau di Pulau Labuan yang sudah diluluskan untuk bina baru dan naik taraf sebelum ini di bawah MAIWP dan JAWI seperti Masjid Jamek An-Nur, Pusat Bandar, Masjidul Iman, Kampung Sungai Bedaun, Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak, Masjid Sirajul Islam, Kampung Tanjung Aru, Surau Baitul Makmur, Durian Tunjung, Suraul-Ikhlasiah, Kampung Belukut, Surau Darus Salam, Kampung Patau-Patau 2 dan Surau Nurul Islam Pusat Bandar.

16. PR-1421-L03202

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mengikut statistik setiap negara dan berapakah pulangan yang diterima oleh negara hasil dari kehadiran pelancong-pelancong berkenaan setelah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu.

17. PR-1421-L03798

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mencari jalan bagi memperkenalkan pendapatan kedua kepada para petani terutamanya kepada pekebun getah dan sawit memandangkan harga komoditi ini berada dalam tahap yang rendah waktu ini.

18. PR-1421-L03108

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian dalam melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat dalam rangka kerja (*frame work*) untuk memastikan rakyat mempunyai pekerjaan serta digajikan dengan sewajarnya dan apakah program yang dilakukan untuk menambah baik pasaran buruh.

19. PR-1421-L03504

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah insentif-insentif terkini Kementerian dalam menangani isu merokok di kalangan pelajar di bawah umur terutamanya pelajar di kawasan luar bandar ; dan
- (b) berapakah statistik terkini bagi pelajar bawah umur yang terlibat dalam masalah merokok.

20. PR-1421-L03314
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan dana disediakan oleh Kementerian untuk membawa balik dokumen-dokumen artifak dan warisan negara yang telah dirompak, dicuri dan dibawa keluar dari negara ini dan berada di negara-negara lain. Sudahkah negara-negara, muzium-muzium penyimpanan-penyimpanan dan individu-individu dikenalpasti, dihubungi. Jikalau tidak kenapa.
21. PR-1421-L04143
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam menjaga nilai kemanusiaan, apakah inisiatif Kementerian untuk mengelakkan kakitangan Kementerian Kesihatan yang bercerai akibat jarak jauh tempat kerja antara suami dan isteri.
22. PR-1421-L03999
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) elaun bulanan Duta Khas ke China dan status jawatan ini serta berapa jumlah kakitangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan; dan
 - (b) elaun bulanan CEO dan kakitangan *Malaysia-China Business Council* yang diterajui oleh Duta Khas tersebut.
23. PR-1421-L04239
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada tindakan akan diambil terhadap hakim-hakim yang telahpun bersara berikutan pendedahan Hamid Sultan Abu Backer tersebut memandangkan pendirian Ketua Hakim baru-baru ini bahawa tiada tindakan boleh diambil terhadap hakim-hakim tersebut oleh kerana mereka telahpun bersara.
24. PR-1421-L03740
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ahli lembaga pengarah Syarikat SPV yang ditubuhkan oleh Kementerian untuk menyemak semula Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya telah dilantik.

25. PR-1421-L03463
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keutamaan Kementerian Luar (termasuk Kementerian Pengangkutan) bagi menyelesaikan konflik ruang udara Malaysia-Singapura, pencerobohan ruang udara Pasir Gudang dan sehingga hari ini di manakah tahap *progress* daripada kesepakatan yang telah diambil. Adakah Malaysia akan membuka ruang udaranya untuk Singapura dan jika keadaan berlaku dalam keadaan *vice versa* adakah Singapura akan membuka ruang udaranya untuk Malaysia? Apakah mekanisme Kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan negara di dalam masa yang sama untuk menjaga keharmonian antara Malaysia-Singapura.
26. PR-1421-L03922
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan peminjam PTPTN yang tertunggak dan berapa peratus bilangan pelajar yang tertunggak hutang PTPTN melebihi 5 dan 10 tahun.
27. PR-1421-L03768
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah SPR akan melaksanakan penurunan umur ke 18 tahun supaya mereka boleh mendaftar untuk mengundi. Bagaimana SPR memastikan semua pilihan raya yang akan datang lebih bersih, adil dan bebas.
28. PR-1421-L04207
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah kaedah Kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada semua rakyat.
29. PR-1421-L03365
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil cukai pelancongan untuk tahun 2018 dan berapakah jumlah agihan hasil kepada setiap Kerajaan negeri serta bagaimana Kerajaan Persekutuan memastikan Kerajaan negeri menggunakan cukai ini untuk membangunkan sektor pelancongan di negeri masing-masing.
30. PR-1421-L04061
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah lawatan kerja Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilaporkan ditaja oleh syarikat perjudian Da Ma Cai dan apakah tindakan yang akan dikenakan kerana ianya adalah "*conflict of interest*".

31. PR-1421-L03012
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menyambung semula projek naik taraf Jalan Mangkubau Laut, Pitas yang telah diluluskan sebelum ini yang bernilai RM130 juta tetapi telah ditangguhkan pelaksanaannya. Jalan ini merupakan jalan utama bagi penduduk kampung dan di sepanjang laluan jalan terdapat banyak penempatan selain sekolah dan klinik Kerajaan.
32. PR-1421-L03620
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah rasional Kerajaan menggalakkan pekebun-pekebun sawit memperoleh Pensijilan Minyak Sawit Mampan Negara (MSPO) dan sejauh manakah pengenalan sijil tersebut akan memberi nilai tambah kepada industri sawit negara.
33. PR-1421-L04185
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menggalakkan rakyat Malaysia khususnya di luar bandar bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api ataupun komuter berbanding menggunakan kenderaan sendiri.
34. PR-1421-L03101
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar penglibatan pekerja tempatan dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*) dan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi kadar penglibatan pekerja tempatan dalam sektor ini.
35. PR-1421-L02941
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada mempunyai perancangan untuk memperbaiki fasiliti Perumahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sudah uzur seperti di Balai Polis Wangsa Maju dan Setapak.

36. PR-1421-L03884
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian bagi membela nasib dan mengurangkan beban kos sara hidup para veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sejurus selepas Bantuan Bakti Negara (BBN) dihentikan oleh pihak Kementerian. Dan apakah pelan terbaru Kementerian berkaitan inisiatif dan kemudahan kesihatan untuk para veteran ATM.
37. PR-1421-L03230
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan agenda utama Pelan Induk Industri Halal (HIMP 2.0). Berapa jumlah syarikat terlibat dan peratusan penyertaan Bumiputra.
38. PR-1421-L03344
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Kota Marudu akan selesai dinaik taraf sebagai Hospital Zon/Wilayah dengan perkhidmatan pakar-pakar kesihatan seperti yang dirancang dan diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 lagi. Apakah halangan-halangan yang dihadapi mencapai matlamat ini.
39. PR-1421-L03878
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status dana sebanyak RM2 bilion di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dan bagaimana Kerajaan Negeri dapat memanfaatkan dana ini.
40. PR-1421-L03710
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) perkembangan terkini program *Malaysia Future Leadership School* (MFLS), apakah hasil 6 *pilot program* serta maklum balas daripada peserta dan ibu bapa serta jumlah peruntukan secara terperinci; dan
 - (b) bilakah secara rasminya program *Malaysia Future Leadership School* (MFLS) siri pertama akan dijalankan dan apakah tahap kesediaan Kementerian dalam melaksanakan program ini.

41. PR-1421-L04269
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar-dasar, langkah-langkah dan/atau skim-skim yang dijalankan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dalam pelaksanaan rumah mampu milik yang mampan dan berkualiti untuk rakyat Malaysia. Apakah rancangan atau tindakan yang akan dilakukan untuk membaik pulih projek perumahan yang terbengkalai di daerah Kampar.
42. PR-1421-L03486
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dividen KWSP yang diberikan pada tahun 2017 dan mengapakah dividen yang diberikan untuk tahun 2018 menurun.
43. PR-1421-L02934
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang membawa kepada kelemahan nilai Ringgit dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan nilai Ringgit.
44. PR-1421-L03345
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Pembantu Hal Ehwal Islam (HEI) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia pada ketika ini.
45. PR-1421-L03195
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pelancongan yang dikutip sejak 2018 dan adakah Wilayah Persekutuan termasuk bersama Kerajaan-Kerajaan Negeri yang akan menerima balik 50 peratus daripada kutipan tersebut.
46. PR-1421-L02895
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai wakil rakyat Kerajaan, pembangkang dan juga orang kenamaan yang telah diberikan kebenaran untuk merasmikan Mesyuarat Agung PIBG di seluruh negeri khususnya di Parlimen Tanjong Karang.
47. PR-1421-L04152
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan langkah dan usaha Kerajaan dalam penggubalan rang undang-undang Akta Kawalan Pembiayaan Politik bagi mewujudkan mekanisme pemantauan pembiayaan politik.

48. PR-1421-L03141
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah lawatan ke luar negara oleh seluruh anggota Kabinet dari bulan Mei 2018 hingga Disember 2018; dan
 - (b) apakah tujuan lawatan, jumlah delegasi dan berapakah kos yang telah digunakan.
49. PR-1421-L03658
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peluang yang dibuka kepada kaum India dalam menganggotai pasukan Angkatan Tentera Malaysia. Berapakah jumlah anggota tentera kaum India yang sedang berkhidmat dalam pasukan Angkatan Tentera Malaysia mengikut pangkat.
50. PR-1421-L03968
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap laporan polis yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam dan institusi raja serta apakah jaminan Kerajaan supaya siri-siri penghinaan sebegini tidak lagi berulang.
51. PR-1421-L04238
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terma-terma rujukan untuk *Royal Commission of Inquiry* berikutan pendedahan Hakim Mahkamah Rayuan Hamid Sultan Abu Backer akan terhad kepada pendedahan tersebut sahaja ataupun kepada perkara-perkara lain seperti krisis penghakiman dalam 1988.
52. PR-1421-L03730
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak dan berapa banyak kes yang telah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan serta apakah punca kelewatan memperluaskan Mahkamah ini ke negeri-negeri yang lain yang sepatutnya diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negeri di Malaysia untuk menyelesaikan dan melupuskan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dengan adil dan cepat.

53. PR-1421-L03697
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berkenaan memberi dan membenarkan peruntukan khas menggunakan helikopter bagi tujuan menjalankan tugas rasmi atau melawat penduduk yang agak jauh di pedalaman dan sukar dihubungi melalui jalan darat atau sungai di kawasan P203 Lubok Antu.
54. PR-1421-L03688
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah kawalan keselamatan makanan khususnya daripada negara timur tengah dipantau kerana kumbang merah berpunca daripada kemasukan buah tamar ke negara ini.
55. PR-1421-L03048
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perpaduan dan integrasi nasional menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat Malaysia dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.
56. PR-1421-L03254
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan untuk menambah peruntukan bekalan air paip dan elektrik kepada penduduk rumah panjang di kawasan Mupong, Telok Gelam, Semareng, Sare dan Muara Payang.
57. PR-1421-L03439
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan satu industri pertahanan yang berdaya saing dan berdikari supaya kebergantungan kepada kepakaran asing dapat dikurangkan. Adakah Kerajaan sedia untuk melabur dalam R&D dan inovasi produk-produk pertahanan dan keselamatan.
58. PR-1421-L04123
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah status terkini projek tebatan banjir Sungai Golok dan bilakah ianya dijangka siap.
59. PR-1421-L03809
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini apakah perkembangan dalam usaha Kerajaan mendapatkan balik wang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dari luar negara dan berapa jumlah yang disasarkan.

60. PR-1421-L03920
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca hutang Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM687 bilion pada tahun 2017 kepada RM741 bilion pada tahun 2018 dan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkannya pada tahun 2019.
61. PR-1421-L03626
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah arah dan model pembangunan kereta national ketiga. Bagaimana Kerajaan memastikan model yang digunakan memberi manfaat kepada industri automotif dari segi menguasai teknologi baharu dan meningkatkan tahap kemahiran.
62. PR-1421-L03789
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada usaha pihak KDN untuk membuka kawasan pintu sempadan Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam khususnya untuk tujuan kecemasan bagi tempoh 24 jam.
63. PR-1421-L04027
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan dan pendekatan Kerajaan bagi memastikan Perintah Gaji Minimum 2018 dilaksanakan secara berkesan supaya golongan pekerja mendapat manfaat daripada pelaksanaannya dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan gaji minimum berdasarkan kemahiran seseorang pekerja.
64. PR-1421-L03942
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu sijil palsu bagi menjaga integriti sistem pendidikan negara serta langkah yang disediakan oleh Kementerian bagi mengelak individu menggunakan sijil palsu untuk kepentingan peribadi.
65. PR-1421-L(5)00034
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini "*Malaysian Automated Clearance System*" (MACS) dan jangka masa pembaharuan sistem ini untuk permohonan baharu.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

66. PR-1421-L04106
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan Akta Undang-Undang Sivil 1956 masih lagi mengikat Mahkamah Sivil supaya merujuk undang-undang British lama. Jika ada dalam undang-undang Malaysia, adakah Kerajaan merancang untuk meminda Akta Undang-Undang Sivil 1956.
67. PR-1421-L04200
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk membantu nelayan-nelayan kecil daripada terus membuat hutang dengan orang tengah dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Seterusnya adakah Kerajaan mempunyai perancangan khusus untuk membangunkan Sungai Kerang, Kuala Trong, Matang dan Kuala Sepetang sebagai kawasan (*zoning*) hub-hub memancing dalam membantu nelayan-nelayan kecil mendapat pendapatan tambahan.
68. PR-1421-L03133
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-
- (a) perkembangan pemasangan PV solar oleh anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX Sdn Bhd, Renewables Sdn Bhd dalam menawarkan modal sifar bagi pakej penjanaan sendiri panel solar fotovoltan (PV) kepada pengguna kediaman; dan
 - (b) berapakah tarif elektrik terkini yang dikenakan terhadap pengguna domestik dan bukan domestik dan adakah tarif elektrik akan dinaikkan dalam masa yang terdekat.
69. PR-1421-L03953
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik projek perumahan berasaskan konsep *Industrialised Building System* (IBS) daripada keseluruhan projek pembinaan perumahan rakyat di seluruh negara sepanjang 2015-2018 dan berapakah projek perumahan rakyat yang diluluskan untuk negeri Terengganu khususnya daerah Setiu bagi tahun 2019-2020.
70. PR-1421-L03554
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan pendedahan mengenai status pendidikan Anggota Kabinet yang dipalsukan dan tidak sah. Apakah tindakan yang bakal diambil bagi memulihkan imej pentadbiran negara.

71. PR-1421-L04008
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan proses rundingan awal kumpulan kerja yang ditubuhkan awal Januari dalam penyelesaian konflik maritim Pelabuhan Johor Baharu dan Tuas.
72. PR-1421-L03858
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti dalam janji Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan selepas 10 bulan Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya ke-14 dan apakah laporan perkembangan sejak pembentukan jawatankuasa khas mengenai pengiktirafan UEC sejak Oktober 2018.
73. PR-1421-L04310
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan SMK Serian No.2 untuk menampung bilangan pelajar-pelajar yang terlalu sesak di SMK Serian.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
 - * Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019.

2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
 - * Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019.

3. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
 - * Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 8/2019) Rang Undang-Undang Levi Pelepasan 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

2. (D.R 7/2019) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 "

[Perdana Menteri]

3. **Menteri Hal Ehwal Ekonomi** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela oleh Kerajaan

mengambil maklum cabaran dan pemasalahan peneroka, hasil penemuan audit forensik ke atas lapan (8) pelaburan yang dilaksanakan oleh FELDA dan anak syarikat serta prestasi kewangan FELDA, termasuk implikasi perjanjian pajakan tanah, pinjaman kepada peneroka dan pulangan pelaburan; dan

meluluskan dan merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil.6 Tahun 2019.

Bahawa dalam meluluskan Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA)", Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama menyokong Kerajaan dalam menjayakan usaha ini."

4. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

5. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 "

[Perdana Menteri]

6. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Yang Berhormat Dato' Noraini binti Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong dipilih menggantikan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Keempat Belas."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.68 bagi tahun 2019 disahkan."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.47, ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.55, ST.56, ST.57, ST.58, ST.60 dan ST.72 bagi tahun 2019 disahkan."

10. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang."

Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

11. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan."

[Menteri Belia Dan Sukan]

12. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

17. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

18. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product (GDP)* di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

21. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SiITerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat

pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyesuaian dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)045
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

24. PR-1421-U(27)046
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

25. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

26. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

27. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

28. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kadet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

29. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.79	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Maktab Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2017	9 April 2019
ST.95	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2017	9 April 2019
ST.98	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2017	9 April 2019
CMD.6	Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	9 April 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 09.04.2019 (Selasa)	1. YB Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)	1. Penipuan Di Media Sosial	1. YB Menteri Komunikasi Dan Multimedia
2. 09.04.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Mohd Shahr bin Abdullah (Paya Besar)	2. Keperluan Pemasangan Lampu Jalan Di Jalan Sg. Lembing/Route C4 Dan Route 231 Daripada Persimpangan Plaza Tol Kuantan Sehingga Ke Bandar Sg. Lembing	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**